

Darjah PMN utk pengasas Matsushita

KUALA LUMPUR, Selasa — Malaysia menganugerahkan darjah kebesaran Panglima Mangku Negara (P.M.N.) yang membawa gelaran Tan Sri kepada pengasas Syarikat Kumpulan Matsushita, Encik Konosuke Matsushita.

Timbalan Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad mengumumkan demikian ketika menerima kunjungan Presiden Matsushita Electric Industrial Co. Ltd., Encik T. Yamashita di sini semalam.

Encik Matsushita, 84, penasihat eksekutif kumpulan itu sejak bulan Julai 1973.

Dato Seri Dr. Mahathir memberitahu Encik Yamashita, beliau berharap Encik Matsushita dapat datang menerima Darjah tersebut.

Anugerah itu dikurniakan kepada Encik Matsushita kerana peranannya meningkatkan hubungan dagang dan pelaburan Jepun di Malaysia.

■**KELIHATAN** Dato Seri Dr. Mahathir (dua dari kanan) berbual dengan rombongan Kumpulan Syarikat Matsushita.

Lain-lain pegawai tinggi syarikat yang menyertai rombongan tersebut ialah Raja Tan Sri Zainal, Encik Y. Kobe, Encik T. Kubo dan Encik Ke. Kurahashi.

